



PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
PALACE OF JUSTICE
ARAS 3, PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03 - 8880 3782
Fax : 03 - 8880 3886

HIGH COURT OF MALAYA

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : dlm.JK/MA 38/3

Tarikh 28 Oktober 2004

Semua
Pengurus Pusat Tanggungjawab
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 3/2004

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Arahan Amalan Bil. 3/2004 untuk tindakan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
(Menjalankan Tugas-tugas Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia)
PUTRAJAYA.

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA



CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Hakim Kanan / Hakim
Mahkamah Sesyen
Semenanjung Malaysia



Pendaftar,
Mahkamah Sesyen
Semenanjung Malaysia

Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan

Arahan Amalan BIL 3 / 2004

Pendaftaran Kes-Kes Pasaran Modal di Bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Akta Bank Pusat Malaysia 1958, Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989, Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur [**Kod Pengkelasan**]

Selaras dengan perkembangan semasa berhubung Undang-undang pasaran modal/sekuriti maka mulai **1 Disember 2004**, semua kes-kes pasaran modal/sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Akta Bank Pusat Malaysia 1958, Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989, Akta Syarikat 1965, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 hendaklah didaftar di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur menurut kod pengkelasan seperti berikut:

<u>Perkara</u>	<u>Kod</u>
a. Semua kes berhubung dengan perkara di atas hendaklah difaillkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur	62 A
b. Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi	42 A

2. **Pengagihan Kes Kod 62 A di Mahkamah Sesyen**

Semua kes-kes di bawah Kod 62 A yang difailkan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hendaklah didaftarkan dan didengar di Mahkamah **Sesyen Jenayah 1**.

3. **Kes-Kes Semasa Yang Menunggu Perbicaraan Di Mahkamah**

Apabila sesuatu kes itu tiba giliran untuk di bicarakan atau untuk pengurusan kes, kod baru hendaklah dicatitkan kepada nombor kes yang sedia ada tanpa mengubah nombor asalnya, sebagai contoh bagi kes di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur 62-320-2002 dijadikan 62A - 320-2002.

4. **Pendengaran Kes –kes Semasa**

Bagi kes-kes semasa yang didaftarkan di Mahkamah Sesyen seluruh negeri Semenanjung Malaysia hendaklah diteruskan oleh Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan.

(TAN SRI DATO' SERI HAIDAR BIN MOHD NOOR)
Hakim Besar Malaya

s.k:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Putrajaya

Pegawai Undang-Undang 1
Bahagian Penyelidikan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya

Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur.